



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM**

## **TEKS UCAPAN**

**NIK NAZMI NIK AHMAD**

**MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN  
PERUBAHAN IKLIM (NRECC)**

**SEMPENA LAWATAN KERJA KE TAPAK PENJANAAN TENAGA  
SOLAR PV DI LOJI RAWATAN KUMBAHAN PANTAI 1  
INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD**

**LOJI RAWATAN KUMBAHAN PANTAI 1  
JALAN PANTAI DALAM, KUALA LUMPUR**

**21 NOVEMBER 2023 (SELASA)  
11.30 PAGI**

Terima kasih Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Madani,

**[Salutations - printed separately]**

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izinNya, kita dapat bersama berhimpun pada petang ini. Alhamdulillah, kita bersua di **Loji Rawatan Kumbahan (LRK) Pantai 1, Kuala Lumpur**, dan ini merupakan kali pertama saya berada di sini. Saya berterima kasih dan rasa berbesar hati di atas jemputan pihak **Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK)** atas jemputan bagi melihat inisiatif **tenaga solar PV di Loji Pantai 1** ini.

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Saya dimaklumkan bahawa kedua-dua **Loji Pantai 1**, bersama **Loji Rawatan Kumbahan Serantau (LRKS) Pantai 2** yang berada di seberang lebuh raya NPE berupaya merawat air sisa kumbahan untuk keperluan **1.43 juta penduduk Kuala Lumpur**. Ini baru sahaja sebahagian besar penduduk di Bandaraya Kuala Lumpur. Saya juga difahamkan bahawa IWK merawat sekitar **6,800 juta liter** air kumbahan setiap hari, daripada lebih **7,300 loji rawatan kumbahan** yang diselenggara IWK di seluruh Semenanjung Malaysia. Jumlah ini adalah kira-kira **2,800 kolam** renang bersaiz Olimpik.

3. Pastinya, kos penyelenggaraan loji-loji ini menjadi salah satu cabaran hebat kepada IWK selaku syarikat pembetungan nasional, yang sentiasa perlu meningkatkan kualiti perkhidmatannya. Saya sedia maklum antara kos

utama IWK dalam memastikan operasi sistem pembetulan dapat terus berjalan lancar adalah kos bekalan elektrik iaitu lebih kurang **RM300 juta setahun**. Justeru itu, saya menyambut baik inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak IWK ini dalam mengaplikasi teknologi hijau atau sumber tenaga alternatif dalam usaha untuk mengurangkan kos operasinya.

Hadirin hadirat sekalian,

4. Sebentar tadi, saya telah dapat melihat sendiri salah satu tapak penjanaan tenaga solar yang diguna pakai IWK untuk kegunaan operasi lojinya atau skim *self-consumption* (SelCo). Saya gembira apabila dimaklumkan bahawa IWK akan mampu menghasilkan sekitar **22,781 MegaWatt-jam (MWh) setahun** apabila semua sistem solar siap dipasang di sekitar 396 bilangan loji-loji rawatan kumbahan awam bagi projek Solar PV berasaskan SelCo ini. Syabas saya ucapkan kepada IWK atas usaha gigih terhadap penjanaan dari sumber tenaga solar ini.

5. Inisiatif yang diambil IWK ini adalah selaras dengan **Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) Fasa 1** yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini dalam usaha mengurus perdanakan peralihan tenaga negara untuk mencapai **sasaran kapasiti tenaga boleh baharu (TBB) sebanyak 70 peratus menjelang 2050**. Pelan ini juga akan menjadi anjakan utama bagi memastikan peralihan tenaga yang saksama dan menjadikan sektor tenaga sebagai pemangkin utama dalam pembangunan sosioekonomi serta aspirasi negara dalam mengurangkan karbon pada 2040.

6. Kementerian saya, NRECC, juga komited dalam menghasilkan dasar berhubung penjanaan tenaga yang komprehensif, kompetitif serta mempunyai pelan pembekalan yang terancang. Ini membolehkan Malaysia melaksanakan usaha penyahkarbonan, dan menggunakan kelebihan

kompetitif kita untuk menghasilkan pelaburan bernilai tinggi, dan yang paling penting, memelihara alam sekitar yang lebih mampan.

7. Untuk makluman hadirin, Kerajaan telah menyasarkan jumlah pelaburan kira-kira RM637 billion sehingga tahun 2050 untuk merealisasikan usaha untuk **meningkatkan kapasiti TBB sehingga 70 peratus atau 55 GigaWatt (GW)** dalam sektor tenaga. Usaha ini merangkumi pelaburan dalam sumber penjanaan tenaga daripada sumber TBB, mengukuhkan infrastruktur grid termasuk menambahbaik talian penghantaran, integrasi sistem penstoran tenaga dan penambahan operasi sistem rangkaian grid. Ketika ini, Malaysia berada di tahap **25 peratus atau 10GW**, dan sasaran ini membaharui sistem awal iaitu 40 peratus TBB menjelang 2050.

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Negara kita memiliki kadar pencahayaan matahari yang tinggi dan suhu harian antara 23 hingga 34 darjah Celsius. Suhu sebegini ini amat sesuai bagi pemasangan solar panel di bumbung premis bangunan atau kediaman. Selain mengoptimumkan penggunaan ruang terbiar di bumbung, ia juga dapat membantu kita dalam mengurangkan penggunaan kos elektrik bulanan.

9. Untuk itu, saya ingin menjemput semua pemain industri seperti IWK untuk terus meneroka tenaga boleh baharu. Ia akan menjadi satu *game-changer* dalam ekonomi kitaran negara. Saya tahu, IWK telah pun melaksanakan pelbagai inisiatif ekonomi kitaran daripada penggunaan bahan bi-produknya seperti inisiatif air pulih guna dan penghasilan baja organik. Saya harap, lebih banyak inovasi akan terus dibuat dalam mengintegrasikan prinsip alam sekitar, sosial, dan tadbir urus ke dalam teras perniagaan IWK.

10. Percayalah, tindakan kita hari ini berkait rapat dengan hala tuju masa hadapan. Justeru, kita perlu sentiasa memikirkan dan mengambil langkah untuk menyelamatkan sumber yang ada dan menghasilkan pendapatan dengan konsep kecekapan tenaga serta kelestarian alam sekitar demi generasi akan datang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Saya juga faham, IWK akan terus menanggung bebanan kos operasinya ekoran penambahan loji-loji awam yang perlu diselenggaranya, di samping peningkatan kos lain yang perlu ditanggung. Dengan usaha projek solar ini, ia pastinya akan menjadi salah satu usaha yang dapat membantu dalam mengurangkan impak kenaikan kos operasi IWK.

12. Malah, saya juga maklum banyak lagi inisiatif yang dijalankan IWK untuk mengurangkan kos operasi tahunan mereka, khususnya bagi memastikan kewangan yang lebih mampan dalam memastikan kecekapan perkhidmatannya. Insyaallah, dengan kesemua inisiatif ini, kadar penyelarasan tarif yang berpatutan telah dapat diwartakan untuk pelaksanaan secara berperingkat.

13. Secara puratanya, kos penyelenggaraan sistem pembedung bagi setiap premis bersambung domestik adalah kira-kira RM17 sebulan. Penyelarasan kadar tarif pembedung sebanyak RM2 bagi kategori Domestik pada tahun 2024 kepada caj bulanan di antara RM4 ke RM12 sebulan masih rendah berbanding kos pengoperasian sepenuhnya. Ini tidak termasuk perbelanjaan kerajaan dalam melaksanakan infrastruktur sistem pembedung serantau dengan purata perbelanjaan sebanyak RM3 billion untuk setiap 5 tahun menerusi perbelanjaan di bawah Rancangan Malaysia.

14. Tambahan juga, subsidi bersasar akan diteruskan oleh syarikat IWK

melalui pemberian rebat kepada golongan susah yang berdaftar dengan sistem maklumat kemiskinan negara atau e-kasih. Subsidi bersasar diharap dapat mengurangkan kesan ke atas peningkatan kos sara hidup rakyat.

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak IWK yang telah sudi menerima lawatan saya hari ini. Saya ucapkan tahniah atas inisiatif yang telah dijalankan dan berharap segala usaha ke arah tenaga boleh diperbaharui dan pengurangan karbon dapat dilipatgandakan lagi di masa akan datang.

Sekian, *wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih.